

# Pembinaan Akhlak Transgender Mak Nyah Muslim

Norhidayah Mohamad Nawawy  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
hidayah\_faizal@oum.edu.my

Hasan Ahmad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang

*Abstrak* - Agama merupakan asas dalam pembinaan akhlak manusia. Tanpa ikatan agama yang kukuh, pembinaan akhlak tidak akan mantap malah hanya bersifat sementara sahaja dan boleh membawa kepada akhlak yang rosak. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana perlakuan ibadah solat mempunyai kaitan dalam proses pembinaan akhlak seseorang Transgender Mak Nyah Muslim. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa dengan perlakuan ibadah solat, seseorang transgender itu mampu mempunyai ketahanan diri dari segi mental dan fizikal serta mampu menjaga nilai dan harga diri dalam menghadapi cabaran hidup. Seperti mana yang kita ketahui kedudukan golongan transgender ini dari perspektif Islam amat jelas adalah haram. Jelasnya dengan kemunculan golongan transgender ini tidak dinafikan telah memberi impak yang negatif terhadap pembinaan sahsiah dan akhlak dalam masyarakat Islam. Fokus kajian ini juga telah membincangkan tentang hikmah perlakuan ibadah solat dapat membina akhlak dalam kalangan transgender mak nyah muslim. Justeru itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui dapatan data sekunder yang melibatkan bentuk tulisan seperti al-Quran dan as-Sunnah, kitab-kitab akhlak yang muhtabar, jurnal, artikel, laporan prosiding dan sebagainya. Rumusan kajian ini juga menunjukkan bahawa amalan solat berupaya membimbing akhlak dan gerak geri manusia kepada jalan yang lebih sejahtera dan terpelihara dari segala anasir yang menyebabkan kerosakan serta perbuatan diluar batasan agama. Dengan amalan ini secara tidak langsung menjadikan kehidupan seseorang muslim itu akan dibina melalui akhlak yang mulia. Memetik kata-kata Ibnu Khaldun menjelaskan turun naiknya sesebuah negara atau tamadun bergantung kepada sejauh mana umatnya memegang dan mengamalkan nilai-nilai akhlak yang tinggi.

*Kata Kunci*- Pembinaan Akhlak; Transgender; Solat

## 1. PENGENALAN

Akhlak merupakan ukuran keperibadian seseorang muslim. Akhlak juga merupakan salah satu ajaran Islam yang harus dimiliki oleh setiap individu muslim dalam menunaikan kehidupan seharian. Menurut [7] penerapan nilai akhlak hendaklah bermula daripada intipati keimanan kepada Allah SWT demi melahirkan insan yang soleh dan berakhlak. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali telah menjelaskan maksud iman adalah “*pengakuan dengan lidah dan membenarkan dengan hati serta mengamalkannya dengan rukun-rukun (anggota)*”. Iman merupakan pengakuan atau ikrar seseorang Muslim secara lisan dan akan dimenifestasikan menerusi amalan dan ibadah kepada Allah SWT. Perkara asas yang wajib diimani oleh umat Islam ialah rukun Iman dan rukun Islam itu sendiri. Iman yang bersih akan dapat melahirkan akhlak yang bersih dan mulia. Para sarjana Islam dan barat telah banyak berbincang tentang kepentingan pembinaan akhlak. Jika diperhatikan dengan lebih terperinci pembinaan akhlak adalah pembinaan kelakuan diri yang baik serta bertepatan dengan akal dan syarak [23]. Dalam konteks membangunkan modal insan kearah menjadikan masyarakat lestari, aspek pembinaan akhlak adalah wajib ditekankan kerana ia merupakan salah satu elemen utama dalam ajaran agama Islam. Terdapat hadis baginda yang telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud:

“*Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya.*” (Imam Ahmad, Juz 3, No. 7406)

Hal ini kerana antara tujuan utama Allah SWT menciptakan manusia adalah untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim dengan beriman dan menyembahNya serta menitik beratkan tentang pembinaan akhlak mulia dalam menjalani kehidupan seharian. Sebagaimana firmanNya dalam surah az-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*

Antara aspek yang diberi penekanan dalam menzahirkan rasa keimanan kepada Allah SWT ialah melalui ibadah solat. Solat merupakan asas atau tiang agama dan mengamalkannya merupakan suatu tuntutan syarak dan kepatuhan seseorang Muslim kepada Allah SWT. Solat merupakan satu bentuk keperibadian yang sangat berpotensi untuk membentuk peribadi akhlak seseorang [6].

Namun begitu, muktahir ini terdapat satu kecenderungan seksual yang dilihat semakin agresif dan jelas menyongsang dari peraturan fitrah yang telah ditentukan oleh Islam dan mereka ini dikenali sebagai golongan 'Transgender'. Apabila membincangkan hal yang berkaitan dengan transgender ini terdapat beberapa pandangan yang jelas dari sudut agama Islam berkaitannya. Di dalam terminologi Islam istilah transgender ini lebih dikenali dengan istilah 'liwat' (الليواط) (*homoseksual*) [1]. Selain itu juga ia dikenali sebagai 'al-fahsya' (الفحشاء) iaitu (perbuatan keji dan lucah), 'shudhudh' (tidak bermoral) atau 'amal qaum Lut' (عَمَل قَوْم لُوط). Islam secara jelas menolak perlakuan transgender ini dan umat Islam memandangnya sebagai salah satu dosa besar kerana terdapat banyak dalil dari ayat al-Quran dan hadis yang mengeji perbuatan ini [20]. Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 80-81:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفُجُورَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ٨٠ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ ٨١ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ٨١

*“Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas” (80). Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: “Usirlah mereka (Nabi Lut AS dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri” (81) (Surah al-A'raf: 80-81).*

Antara hadis yang menunjukkan pengharaman tentang perlakuan transgender ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari :

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

*“Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki”*

*(Hadis al-Bukhari, no. hadis 5453, Abi Dawud no. hadis 3574, Ibd Majah no. hadis 1894 dan Ahmad no. hadis 2910 dan 2150).*

Hadis ini adalah dalam kategori hadis yang sahih. Menurut hadis ini golongan transgender yang dilaknat oleh Nabi Muhammad SAW sama ada lelaki yang menyerupai wanita atau sebaliknya. Dalam hal ini merujuk kepada golongan lelaki yang menyerupai wanita dari pelbagai sudut sehingga menonjolkan seseorang lelaki itu sebagai wanita bukan lagi sebagai seorang lelaki. Selain itu juga golongan ini juga dikenali sebagai 'mak nyah' ataupun 'pondan'. Manakala golongan wanita yang menyerupai lelaki juga sedemikian dan dikenali sebagai 'tomboy' atau 'pengkid' di negara kita. Al-Tabari berkata lagi maksud ayat diatas bahawa tidak harus bagi lelaki untuk menyerupai wanita dari aspek pakaian dan perhiasan yang dikhususkan untuk wanita dan sebaliknya.

Ini menunjukkan bahawa jantina lelaki dan wanita itu adalah ciptaan Allah SWT secara semula jadi untuk saling mengasihi dan dijadikan pasangan antara satu dengan yang lain. Malangnya perlakuan golongan transgender ini telah dilihat menentang apa yang telah Allah SWT tetapkan kepada manusia. Perbuatan menukar jantina atau menyerupai jantina lain ini dilihat akan mendorong kepada perbuatan maksiat yang lebih dahsyat iaitu dengan mencintai jantina sejenis dan seterusnya melakukan hubungan seks jantina sejenis (*homoseksual*) seperti kaum Nabi Lut AS yang telah dilaknat oleh Allah SWT. Jelasnya di sini, melalui dua dalil di atas perbuatan ini adalah amat bertentangan dengan hukum agama dan fitrah kejadian manusia normal serta menyalahi hikmah yang terkandung di dalam ciptaan manusia.

## 2. KEPENTINGAN AKHLAK MULIA DALAM KEHIDUPAN

Di dalam kitab Ihya' Ulum ad-Din, Imam al-Ghazali telah menyatakan istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan '*Khuluq*' yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Menurut Imam al-Ghazali lagi akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa dan tanpa memerlukan sebarang pertimbangan. Sifat tersebut akan mendorong kearah pelbagai perbuatan samada baik ataupun buruk. Menurut beliau lagi akhlak itu dapat dikatakan ibarat keadaan jiwa dan bentuknya bersifat batin. Hal ini seperti bentuk kebaikan '*dhahiriah*' secara mutlak. Akhlak juga bukanlah satu perbuatan, melainkan gambaran atas jiwa yang tersembunyi. Ini kerana akhlak itu adalah '*nafsiah*' (*bersifat kejiwaan*) dan yang nampak itu dinamakan perilaku atau tindakan. Seiring dengan hal tersebut menurut Imam al-Ghazali akhlak itu merupakan syariah atau penuntun yang mencakupi seluruh aspek kehidupan. Meski ia hidup di atas bumi namun ia berhubung kuat dengan roh, akal, kalbu dan badan.


Al-Jahiz pula telah menjelaskan bahawa akhlak dari segi istilah adalah keadaan jiwa seseorang yang selalu mewarnai setiap tindakan dan perbuatannya tanpa pertimbangan lama ataupun keinginan. Akan tetapi dari satu sudut, akhlak boleh menjadi sebahagian daripada watak dan karekter seseorang sehingga ia menjadi satu tabiat dan kekal bersamanya namun dalam sudut yang lain pula akhlak boleh terhasil daripada proses latihan dan kemahuan bersungguh-sungguh seseorang sehingga tertanam akhlak yang baik dalam dirinya [10].

## 3. KEDUDUKAN TRANSGENDER DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT

Dalam Islam Gender manusia lazimnya terbahagi kepada empat kumpulan iaitu '*lelaki*' (*male*), '*perempuan*' (*female*), '*khuntha*' (*hermaphrodite*), '*mukhannath*' atau '*mukhannis*' (*transgender atau transeksual*) [12]. Menurut Sheikh Atiah Saqr pula menyatakan terdapat dua jenis kelompok transgender yang terdapat dalam Islam iaitu '*al-mukhannath*' dan '*al-khuntha*'. '*Al-mukhannath*' iaitu kelompok lelaki yang jelas kelelakiannya tetapi meniru gaya wanita samaada meniru gaya percakapan atau pergerakannya. Golongan ini boleh dikategorikan sebagai kelompok yang mengalami masalah psikologi kerana naluri mereka jauh bertentangan dengan sifat jasmani mereka. Dalam hal ini mereka terlalu berkeinginan menjadi wanita dan menaruh kebencian terhadap identiti kelelakian yang mereka miliki [11].

Seterusnya kelompok '*al-khuntha*' pula iaitu kelompok lelaki yang mempunyai dua alat kelamin (*zakar dan faraj*). Istilah '*al-khuntha*' menurut [16] ialah seseorang yang dilahirkan dengan dua alat kelamin iaitu alat kelamin lelaki dan wanita [16]. Menurut beberapa ulama seperti Imam al-Qasthulani yang berpandangan harus merawat dan membuang salah satu alat kelamin yang tidak berfungsi dan dalam menjalani pembedahan tersebut tiada unsur mengubah ciptaan Allah SWT kerana adanya keperluan. Bahkan hukumnya boleh menjadi wajib sekiranya disarankan oleh doktor yang pakar dan *thiqah* (dipercayai) [2]. Dalam permasalahan ini sekiranya seseorang menukar jantina dengan sengaja kerana mengikut tuntutan hawa nafsu semata-mata, maka para ulama bersepakat mengatakan hukumnya haram. Berbeza keadaannya jika seseorang menukar jantina atas faktor kesihatan dan keperluan disebabkan mempunyai dua alat kelamin. Maka sesi rawatan dan pembedahan harus dijalankan untuk membuang salah satu daripada alat kelaminnya (Imam Hanafi, Maliki, Hambali & Syafie dalam Abdul Rahman, 1392 H).

Rajah 1: Kategori Golongan Transgender dalam Islam[12]



Menurut Nik Muhd Marzuki, 2011 perkataan transgender telah ditakrifkan sebagai:


*“a person born anatomically with a certain sex, but who is more comfortable with a different gender / sex identity”*

(seseorang yang lahir anatomi (alat kelamin) dengan seks tertentu, tetapi yang lebih selesa dengan jantina atau identiti jantina yang berbeza). Banyak terdapat kajian ilmiah yang menyatakan secara komprehensif berkenaan dengan ciri-ciri seorang transgender. Berdasarkan pemerhatian, pembacaan, dan pergaulan pengkaji boleh merumuskan ciri-ciri fizikal yang terdapat pada golongan transgender secara umumnya termasuklah menyimpan rambut yang panjang seperti perempuan, mempunyai rupa paras feminim, berjalan, bercakap dan bergaya seperti seorang perempuan. Mereka juga sanggup berbuat apa sahaja untuk mengubah penampilan diri mereka untuk menjadi seorang perempuan bemula dengan terapi hormon (*hormone therapy*), operasi wajah (*facial operation*) melakukan pembedahan menanam silikon, pembedahan tulang muka memancungkan hidung dan pembesaran buah dada dan ada juga sesetengahnya yang menjalankan pembedahan alat kelamin.

Transgender telah dikategorikan golongan transgender yang menjalani kehidupannya kearah identiti transeksual terbahagi kepada tiga kategori mengikut tahap masing-masing. Tahap pertama adalah *‘Tahap Rendah’* iaitu golongan transeksual yang tidak sedar bahawa mereka akan memuaskan keinginan mereka melalui silang pakaian (*cross-dressing*) dan mereka ini dikenali sebagai *‘transvetisme’*. Tahap kedua adalah *‘Tahap Sederhana’* yang mana mereka mempunyai keinginan lebih tinggi untuk memuaskan kehendak dan menyeimbangkan emosi mereka. Pada tahap ini silang pakaian tidak lagi mampu untuk memuaskan diri mereka akan tetapi mereka telah memulakan langkah dengan membuat beberapa perubahan fizikal khususnya menambahkan implant pada bahagian buah dada. Pada tahap ini juga mereka mula goyah di antara kepuasan transvetisme dengan kehendak transeksual untuk melakukan perubahan.

Tahap ketiga pula adalah *‘Tahap Tinggi’* yang mana mereka ingin menjadi seorang perempuan yang cukup sempurna (*full-fledged*) sebagai transeksual dan dikenali sebagai transeksual sebenar dan mereka sanggup untuk membuat pembedahan penukaran jantina (*true transsexual*). Secara ringkasnya ketiga-tiga aspek yang dinyatakan oleh ini dapat dirumuskan seperti dalam rajah 1.3 seperti berikut:

Rajah 2: Kategori Golongan Transgender



Budaya songsang ini jelas sekali bertentangan dengan fitrah asal manusia dan boleh dirumuskan sebagai satu krisis gender ataupun kecelaruan jantina. Isu yang berkaitan seorang lelaki itu berpewatakan lembut itu tidak menjadi masalah besar tetapi yang menjadi kebimbangan kita adalah daripada perlakuan lembut tersebut boleh membawa kepada gejala seksual songsang dikalangan masyarakat, itu yang perlu kita risaukan. Apa yang pasti semua ini adalah berpunca daripada kedangkalan manusia tentang ilmu agama.

#### 4. KEPENTINGAN SOLAT DALAM PEMBINAAN AKHLAK TRANSGENDER MAK NYAH

Solat adalah salah satu daripada rukun Islam yang kelima dan diwajibkan keatas setiap muslim dan muslimat yang mukallaf (*baligh dan berakal*). Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 103:

فَإِذَا قُضِيَتْمُ الصَّلَاةُ فَادْكُرُوا اللَّهَ فِيمَا وَفَعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ۝١٠٣

*Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.*

Ayat di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa ibadah solat merupakan ibadah badaniah yang telah diwajibkan ke atas setiap muslim dan menunaikannya sebanyak lima kali sehari semalam dalam waktu-waktu yang telah ditetapkan dalam syariat Islam. Selain itu juga dalam ayat tersebut telah menyebut walaupun kita dalam keadaan yang tidak sihat tetap wajib menunaikannya dalam apa jua keadaan sekalipun samaada berdiri, duduk atau berbaring dan sekiranya telah sihat dan berkemampuan hendaklah mengerjakan ibadat solat seperti sedia kala. Ini kerana hanya solat sahaja yang mampu mendidik jiwa seseorang memahami erti ketakwaan, ketenangan, kesabaran, tawakal dan berpegang teguh hanya kepada Allah SWT sahaja tempat untuk seseorang itu bergantung harap dalam semua urusan kehidupan di dunia.

Solat juga merupakan tiang agama dan sebesar-besar ibadah yang mampu mendekatkan hamba kepada TuhanNya. Terdapat hadis yang telah diriwayatkan baginda Rasulullah SAW [3]:

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّيْنَ

*Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat sesungguhnya dia sudah menegakkan agama dan barangsiapa yang meninggalkan solat, sesungguhnya dia meruntuhkan agama. (Riwayat al-Baihaqi)*

Solat dari segi bahasa bermaksud doa atau doa dengan sesuatu kebaikan. Manakala dari segi syarak solat bermaksud perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratul ihram beserta niat dan berakhir dengan salam dan syarat-syarat tertentu [22].

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh [17] menyatakan seseorang yang mempunyai asas agama yang baik akan menjadikan benteng diri apabila golongan transgender ini berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan seharian terutama yang melibatkan konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual yang mereka alami. Selain itu juga kajian yang telah dijalankan oleh [21] menyatakan kebanyakan punca berlakunya gejala-gejala sosial termasuklah isu transgender adalah kerana pelakunya telah mengabaikan ibadah solat. Selain itu juga, jika dilihat kepada dapatan kajian yang dijalankan oleh [15] bahawa hampir 96.8% remaja mengakui dengan perbuatan mengingggalkan solat fardhu telah mendatangkan banyak kesan negatif kepada diri mereka. Manakala hasil analisis kajian yang dijalankan oleh [19] mendapati bahawa wujud perkaitan dan hubungan antara tahap pelaksanaan solat dan perbuatan negatif individu Muslim dalam kehidupan harian mereka dan secara tidak langsung melibatkan juga permasalahan atau konflik dalam masalah seksualiti.

Pada dasarnya, apabila manusia meninggalkan kewajipan utama sebagai hamba Allah SWT, pastinya mereka akan menempuhi banyak rintangan. Melalui ibadah solat fardhu yang konsisten ianya boleh membawa kepada kekuatan iman dan akan menjadi benteng pertahanan kepada individu tersebut untuk menangkis dugaan yang mendatang [21]. Iman yang lemah boleh mengakibatkan individu tersebut gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT. Dalam al-Quran juga ada menjelaskan tentang pelaksanaan ibadah solat yang dilakukan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT akan dapat membersihkan diri seseorang dan mengawal diri daripada terjerumus ke lembah kehinaan serta naluri-naluri yang tidak sihat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45 :

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤٥

*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Ini membuktikan bahawa solat amat penting untuk dilaksanakan oleh seseorang yang bergelar Muslim secara konsisten dan sempurna kerana solat adalah titik permulaan ke arah pembentukan individu yang benar-benar mengikut ajaran Islam.

## 5. HIKMAH IBADAH SOLAT DALAM PEMBINAAN AKHLAK TRANSGENDER MAK NYAH MUSLIM

Solat merupakan suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan-perbuatan dengan senang tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Apabila perbuatan yang terkeluar itu baik dan terpuji menurut syarak dan akal, maka perbuatan itu dinamakan akhlak yang mulia. Sebaliknya apabila ianya terkeluar dari perbuatan yang buruk maka ia dinamakan akhlak yang buruk.

### A. Solat Mendidik Aqidah Muslim

Dalam solat amat menekankan aspek akidah dan solat perlu dilakukan semata-mata kerana Allah SWT barulah solat tersebut diterima olehNya. Ianya merupakan lambang pengabdian diri kita kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an-Am ayat 162-163:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۖ لَا شَرِيكَ لَهُ ۚ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ١٦٣

*Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam (162) Tiada sekutu bagiNya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya) (163).*

Pendidikan akidah merupakan asas terpenting dalam membina akhlak manusia. Seseorang yang bersolat dengan penuh keyakinan bahawa dia sedang berhadapan dengan Allah SWT akan membawa sifat tersebut dalam kehidupan seharian dengan menyedari bahawa setiap saat Allah akan memerhatikannya. Oleh itu mereka mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk menjaga akhlak mereka daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT. Manusia yang sentiasa mengingati Allah inilah yang dikatakan sebagai orang yang berakhlak paling mulia [13]. Dalam sebuah hadis juga ada meriwayatkan:

*“Seorang pezina tidak akan berzina ketika dirinya beriman, seorang peminum arak tidak akan meminumnya padahal dia beriman, seorang perompak yang hanya akan membuatkan mangsanya melihat sahaja perbuatannya tidak akan melakukannya ketika dirinya ada iman”*

### B. Solat Mampu Menghindari Sifat Mazmumah

Setiap gerakan solat mempunyai falsafahnya yang tersendiri kerana pergerakan dan kaifiyah itu adalah susunanNya untuk kekasihNya Nabi Muhammad SAW dan seluruh umat manusia. Ketika rukuk dan sujud perlulah digambarkan dalam hati bahawa zat Allah adalah zat yang paling sempurna. Ketika sujud seseorang itu perlu menyedari betapa agungnya Allah SWT dan kerdil dirinya, kayanya Allah dan fakirnya hamba, alimnya Allah dan jahilnya hamba, gagah perkasanya Allah dan lemahnya kita. Apabila kesemua perkara tersebut dapat dizahirkan dalam hati seseorang maka segala kesempurnaan Allah dengan sendirinya akan diterjemahkan melalui pergerakan tubuh seseorang itu dengan membongkok untuk sujud kepada penciptaNya [8]. Seperti firman Allah SWT dalam surah al-Hujarat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Melalui sifat kehambaan yang ada maka akan melahirkan individu yang bersih hati dan ikhlas amalnya. Individu yang solat dengan penuh penghayatan akan menyedari walau siapapun mereka, mereka adalah hamba Allah SWT. Tiada siapa yang mengetahui siapa yang lebih mulia dalam kalangan muslim kerana tiada nilai harta, pangkat, keturunan dan keilmuan selain daripada takwa kepada Allah SWT. Selain itu juga melalui solat mampu untuk menghindarkan diri dari sifat-sifat mazmumah seperti sifat tidak bersyukur, tidak redha dan sentiasa mengikut hawa nafsu.

### C. Solat Mendidik Muslim Menjaga Kehormatan Diri

Antara syarat sah solat ialah pelakunya diwajibkan menutup aurat. Aurat bagi lelaki dalam solat menurut jumhur ulama ialah antara pusat hingga lutut. Ia merupakan satu cara Allah mendidik kita supaya menjaga kehormatan diri sama ada dari sudut berpakaian dan perlakuan. Ini melambangkan orang Muslim adalah manusia yang bermaruah. Selain didikan menutup aurat Allah juga mengajar kita melalui solat tentang penjagaan maruah dan kemaluan. Salah satu ciri manusia yang berjaya dan dituntut dalam Islam ialah memelihara maruah dan kemaluan seperti dalam firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun 1-2 dan 5-6:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝ ١ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خُشِعُونَ ۝ ٢

Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman (1) iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya;

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُفُوجِهِمْ حُفُظُونَ ۝ ٥ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَجِهِمْ ۚ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝ ٦

Dan mereka yang menjaga kehormatannya (5) Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela;

### D. Solat Mencegah Manusia Daripada Bersikap Keji dan Mungkar

Seperti mana yang kita ketahui bahawa ibadah solat mampu menjadi benteng pada diri seseorang individu muslim dari melakukan perkara-peraka yang mungkar dan merosakkan iman seseorang muslim. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surat al-Ankabut ayat 45:

أَتَىٰ مَا أَوْحَىٰ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۚ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ۝ ٤٥

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Sesungguhnya melalui solat akan mampu membina akhlak yang baik dan menjadikan manusia itu berfikiran waras dan bertindak dengan cara yang betul dan adil. Dengan ini secara tidak langsung mampu membendung seseorang individu dari melakukan perkara-perkara yang fahsyak dan mungkar.

### E. Solat Mendidik Muslim Menjaga Tingkah laku

Dalam disiplin ilmu solat, seseorang Muslim perlu menjaga segala pergerakan dan tingkah lakunya agar tidak membatalkan solat. Mereka tidak boleh terlalu banyak melakukan pergerakan yang tidak perlu kerana dikhuatiri boleh membatalkan solat. Orang muslim yang melakukan solat akan cukup berhati-hati dalam setiap pergerakan solatnya. Kebanyakan orang muslim akan melakukan sesuatu gerakan seperti bangun, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan tahiyat dengan sesempurna mungkin. Firman Allah SWT dalam surat al-Baqarah ayat 238:

حُفُظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ۝ ٢٣٨

Peliharalah segala solat (mu), dan (peliharalah) solat wusthaa. Berdirilah kerana Allah (dalam solatmu) dengan khusyuk.

Seseorang muslim itu perlu menjaga akhlak solatnya dengan mengaplikasikannya juga diluar solatnya. Kerana apabila seseorang muslim yang mengerjakan solat mereka akan melaksanakan urusan kehidupannya dengan sempurna. Mereka perlu melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang dipikul atas bahu mereka. Sesuatu pekerjaan perlu dilakukan dengan penuh berkualiti dan bersungguh-sungguh. Mereka juga perlu menjaga tingkah laku terutama dari segi cara pemakaian, percakapan, pergaulan dan semuanya mempunyai batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh syarak. Sebagaimana indahnya mereka

menjaga pergerakan dalam solat begitulah juga mereka perlu menjaga setiap tingkah laku mereka diluar solat daripada melakukan perkara-perkara yang terlarang oleh Allah SWT. Seorang muslim yang menghayati falsafah solat akan sentiasa berhati-hati dalam tindakannya agar sentiasa mendapat keredhaan Allah SWT dan tidak menimbulkan fitnah sesama manusia. Seorang muslim juga perlu meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah seperti mengkhianati amanah Allah dan mendekati zina. Tidak seorang pun yang boleh melanggar perintah Allah kerana setiap kesalahan itu akan dicatatkan sebagai dosa atas pelakunya dan akan dipersoalkan di hari akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam surah yasin ayat 65:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٦٥

*Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus) dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing) dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan*

## 6. KESIMPULAN

Sebagai agama yang praktikal, Islam juga merupakan panduan cara hidup dari segi aspek kehidupan termasuk seksualiti manusia. Cara hidup yang sejahtera adalah hidup yang berlandaskan kepada iman dan amal ibadah yang soleh mengikut syariat Islam. Ibadah soleh melalui solat memainkan peranan yang penting dalam pembinaan akhlak dan keperibadian setiap individu muslim. Banyak kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa dengan pelaksanaan solat, perlakuan dan akhlak individu muslim akan lebih terjaga dan banyak memberi kesan yang positif dalam menjalani kehidupan seharian. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan ibadah solat berupaya membimbing akhlak dan gerak geri hidup manusia kepada jalan yang sejahtera dan terpelihara dari segala anasir yang menyebabkan kerosakan serta terhindar dari sebarang perbuatan dan tidakan diluar batasan agama. Dengan ini secara tidak langsung kehidupan seorang muslim itu akan dibina melalui akhlak yang mulia. Jelasnya disini dalam konteks hukum syariah isu transgender ini merupakan suatu gejala yang dilihat bertentangan dengan fitrah kejadian yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ini kerana fitrah manusia lelaki adalah memiliki sifat-sifat dan kecenderungan sebagai lelaki begitu juga sebaliknya. Ini menunjukkan kepada kita bahawa syariat Islam yang telah diturunkan oleh Allah SWT telah menggariskan pelbagai elemen yang mengandungi matlamat-matlamat dan tujuan yang tertentu bagi membawa kepada kebaikan dan kemaslahatan umat serta untuk menghilangkan kerosakan dan kemudharatan terhadap kepada Allah SWT dan sesama makhluk.

## RUJUKAN

- [1] A. J. M. I. J. A-. Tabari, "Jam' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an, Juz 1." Beirut: Dar al-Fikr. 1995
- [2] A. D. Salleh, "Hukum Pembedahan Menukar Jantina dalam Pembedahan Kosmetik Menurut Perspektif Islam." Selangor: Darul Syakir Enterprise. 2003
- [3] A-. A. M. B. A. H. A-. Ghazali, "Ihya' Ulum al-Din." Beirut: Dar al-Jil 1992
- [4] A. Nurrahmaningtyas, "Akhlak Kepada Allah 2." Indonesia: Fakultas Keguruan dan Ilmu pendidikan. Universitas Muhammadiyah Purwokerto. 2013
- [5] A. Khalid. "Meraih Kenikmatan Ibadah." Indonesia: Embun Publishing. 2007
- [6] A. Suhid, "Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat." Journal of Islamic Education 1. Serdang: Universiti Putra Malaysia. 2009
- [7] A. Suhid, "Modul Adab Islam." Serdang: Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jaraj Jauh (IDEAL). Universiti Putra Malaysia. 2005
- [8] H. F. Abdullah, "Persoalan Solat." Johor: Perniagaan Jahabersa. 2006
- [9] I. Hanafi, Maliki, Hambali, Syafie dalam A. Rahman, "Kitab al-Fiqh 'Ala Mazahib al-Arba'ah." Beirut: Dar al-Fikr wa Dar al-kutub al-Ilmiah 1392
- [10] M. A-. Misri, "Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW." Kuala Lumpur: al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd. 2014
- [11] M. A. Malik, M. S. A. Mustafa, "Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keperihatinan Kita?" Journal of Business and Social Development. Vol 2. No. 2. Alor Gajah Melaka: Universiti Teknologi Malaysia. 2014
- [12] M. A. Idris, "Kecelaruhan Jantina Boleh Dielak." KOSMO Kuala Lumpur: University of Malaya Library. 2012
- [13] M. F. B. Hamat, "Peranan Akidah dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis dalam Konteks Masyarakat Kini." Kertas Kerja Seminar Pemikiran dan Penghayatan Islam. Nilam Puri: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 2002



- [14] M. F. Hamat, "Nilai-nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali." Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya. 2015
- [15] M. S. Jusoh, "Gaya Pembelajaran dan hubungannya dengan Pencapaian Akademik." Projek Penyelidikan Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2001
- [16] M. A. A-. Sabuni, "Al-Mawaris fi al-Islamiah fi Dhawi al-Kitab wa al-Sunnah." Beirut: al-Maktabah al-Asriah li al-Taba'ah waal-Nasayr. 2001
- [17] N. Subri, "Potensi Konflik di Antara Pegangan Islam dan Identiti Seksual: Simtom Psikologikal dalam Kalangan Mak Nyah." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia 2013
- [18] N. M. M. H. M. Nur, "Perkembangan Dan Syor Menangani Gerakan Hak Homoseksual di Malaysia." Kertas Kerja Mesyuarat Panel Menangani Gejala Sosial JAKIM Bil. 1, 2011.
- [19] N. A. Yusoff, "Hubung Kait antara Pengabaian Solat dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi." Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan usul, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya 2008
- [20] N. H. Haridi, K. A. A. Rahman, R. Wazir, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)." Jurnal Pengajian Islam Bil 9, Isu II. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2016
- [21] N. D. Zakaria, "Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardhu dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Rundingcara keluarga (URK) Bahagian Perkahwinana dan Pembangunan Sekeluarga (BPPK)." Jurnal Syariah, Jilid 21, Bil. 2. Wilayah Persekutuan: Jabatan Agama Islam Wilayah. 2013
- [22] S. Z. Ibrahim, "Penghayatan dan Pelaksanaan Solat Berjemaah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah IRSYAD." Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 2016
- [23] Z. Husin, "Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari." Jurnal al-Hikmah, Jilid 7, No. 2. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya 2015